

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI
DI JABATAN PENERANGAN MALAYSIA
TERENGGANU**

Oleh

MAZLINA BINTI MOHAMAD
Sarjana Muda Pengurusan
(Polisi dan Sekitaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2005

13348

1100045447

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

Perpustakaan

LI 33 FPE 1 2005



1100045447

Laporan akhir latihan industri di Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu / Mazlina Mohamad.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA

21030 KUALA TERENGGANU

i100045417

1100045417

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

ISI KANDUNGAN

BIL	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	1
2	CARTA ORGANISASI	14
3	AKTIVITI ORGANISASI	15
4	KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	20
5	MENGESAN SISTEM SEDIA ADA	27
6	MENGENAL PASTI MASALAH	34
7	RUMUSAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN	40
8	CADANGAN PENYELESAIAN	43
9	PELAKSANAAN CADANGAN DAN IMPLIKASI	51
10	PENUTUP	54

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, Mazlina Binti Mohamad mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan

Nama : Mazlina Binti Mohamad

Tarikh : 15 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh:

Penyelia KUSTEM

b/p Pengurus Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE)

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

i100045447

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirrahim...

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurniaNya, Laporan Industri ini dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan. Terlebih dahulu ucapan terima kasih diucapkan kepada pihak Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana menyediakan Latihan Industri sebagai salah satu kursus yang wajib diambil oleh mahasiswa S.M.Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).

Ribuan terima kasih juga kepada Penyelia Industri KUSTEM, Tuan Haji Razali bin Abdullah kerana telah banyak membantu dengan memberi bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang proses menjalani Latihan Industri dan Laporan Latihan Industri ini disediakan. Memang tidak dapat dinafikan, tanpa tunjuk ajar dan bimbingan dari beliau, laporan ini tidak mungkin dapat disiapkan dengan sempurna.

Tidak lupa juga ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT) kerana telah menerima saya untuk menjalani Latihan Industri dan menimba pengalaman di organisasi tersebut. Ucapan terima kasih juga kepada Penyelia Industri, Encik Mustaffa bin Abd. Kadir kerana telah banyak memberi saya pengalaman baru dan menarik sepanjang menjalani Latihan Industri di Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT)

Selain itu, jutaan terima kasih juga kepada ibu bapa saya yang telah banyak memberi sokongan moral dan kewangan sepanjang saya menjalani Latihan Industri dan tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang memberi semangat dan membantu dalam menyiapkan laporan ini.

Akhir sekali sekalung ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung terutama teman-teman yang banyak membantu dan memberi bimbingan serta tidak jemu-jemu memberi kata-kata semangat sepanjang menjalani Latihan Industri dan sepanjang proses menyiapkan laporan industri ini.

Sekian, terima kasih.

Wassalam

SENARAI LAMPIRAN

1. Surat Permohonan Latihan Industri
2. Resume
3. Surat Pengesahan Melapor Diri Untuk Menjalani Latihan Industri
4. Laporan Ketiga
5. Contoh Siaran Media
6. Contoh Borang Tindakan
7. Contoh Borang Fax
8. Contoh Minit Mesyuarat
9. Surat Jemputan Menjadi Petugas Kaunter Khidmat Pelanggan
10. Contoh Borang Baucar Bayaran
11. Contoh Borang Baucar Berasingan/ Penyelarasian

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penubuhan Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT) adalah bermula dari tarikh penubuhan Jabatan Publisiti & Percetakan (*Department of Publicity and Printing*) pada September 1945. Jabatan ini digubal semula untuk disesuaikan dengan pentadbiran sivil mulai 1 April 1946 dengan nama Jabatan Perhubungan Raya (*Department of Public Relation*) dan pada tahun 1950 telah ditukar kepada nama Jabatan Penerangan yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 1961.

Tujuan utama JPNT ditubuhkan adalah untuk memastikan sistem penyaluran maklumat kerajaan melalui komunikasi bersemuka, media elektronik, cetak dan komunikasi visual yang dapat berfungsi dengan berkesan bagi mewujudkan masyarakat bermaklumat mengenai falsafah, dasar dan program kerajaan supaya rakyat sentiasa faham dan komited dengan aktiviti-aktiviti kerajaan.

Sepanjang menjalani Latihan Industri, pelatih telah berpeluang mempelajari banyak perkara baru dan mengesan beberapa masalah serta mengenalpasti beberapa sistem yang sedia ada di organisasi. Penemuan ini telah banyak membantu pelatih dalam menganalisis masalah dan membuat rumusan hasil penemuan yang diperolehi. Maklumat-maklumat yang diperolehi dapat dijadikan panduan kepada pelatih menyediakan cadangan penyelesaian, pelaksanaan cadangan dan implikasi pelaksanaannya.

Jadi, pelatih mengharapkan agar pihak Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT) dapat memandang serius cadangan-cadangan yang diutarakan untuk memastikan kecekapan dan produktiviti dapat ditingkatkan serta dapat membantu pihak pengurusan JPNT dalam menghadapi masalah-masalah kerja terutama masalah disiplin kakitangannya.

Latihan Industri ini diharap dapat memberikan suatu impak yang baik serta dijadikan panduan dan sumber rujukan kepada semua pihak terutama bagi pihak Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT) dan sebagai sumbangan pelatih kepada pihak pengurusan Jabatan Penerangan Malaysia Terengganu (JPNT).